



IQRA'

Bil. 3/2024
MARCH



"BRIDGING THE WORKPLACE DIGITAL DIVIDE"

MAC 14, 2024



Workshop "Bridging The Workplace Digital Divide" anjuran Perpustakaan UiTM Cawangan Pahang (PUITM) iaitu Perpustakaan Al-Bukhari (PAB) Kampus Jengka dan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) Kampus Raub merupakan inisiatif dalam meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi terutama ketika bekerja di pejabat. Penggunaan teknologi atau digital dalam bekerja telah mengubah landskap pekerjaan secara drastik, memberikan impak positif terhadap produktiviti, kolaborasi, dan inovasi.

Penggunaan perisian produktiviti, aplikasi pengurusan tugas, dan alat digital lainnya membolehkan pekerja untuk melakukan tugas-tugas dengan lebih cepat dan efisien. Selain itu, alat kolaborasi dalam talian seperti platform perbualan, video, dan alat berkongsi dokumen memudahkan pengguna walaupun berada di tempat yang berbeza. Hal ini mempercepatkan pertukaran maklumat, mengumpul dan menganalisis data serta membantu organisasi membuat keputusan yang lebih baik dan cepat.

Di samping itu, penggunaan teknologi juga membantu mengurangkan penggunaan bahan cetak dan pemakaian kertas serta membantu meningkatkan kelestarian alam sekitar dan efisiensi operasi. Melalui penggunaan teknologi atau alat digital, ianya juga bantu memudahkan pembelajaran berterusan dan perkembangan pekerjaan. Workshop "Bridging The Workplace Digital Divide" yang telah disampaikan oleh Encik Ts. Sharifuddin Sulaman, Penolong Pengarah, Jabatan Perdana Menteri.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Penerbitan dan Pemasaran,
Bahagian Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my